100 PERTUBUHAN AKAN AMBIL BAHAGIAN

Konvensyen seni silat Melayu yang pertama

Oleh MAAROF MOHD NOH

-8 JUL 1975
Berita Minggu

SEJAK kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka dalam kurun ke 15 —hampir 500 tahun sekarang—kerindangan rumpun seni silat Melayu seakan-akan dilupakan sama sekali.

Selepas peristiwa berdarah itu, silat yang menjadi tunjang segala kekuatan—bukan sahaja kebudayaan malah kekuatan politik — bergerak secara senyap-senyap, di kampung-kampung atau di daerah-daerah pendalaman.

Kerindangan rumpunnya semakin luput, terutama selepas kedatangan beberapa cabang ilmu mempertahankan diri dari luar, khususnya, karate, judo, ju-jit-tsu, kuntau, tae-kwon-do dan lain-lain.

Kepaduan seni silat juga turut berpecah, malah sehingga rencana ini ditulis, terdapat hampir 400 buah cabang atau jenis silat sedang bergerak dengan caranya yang tersendiri, secara senyap-senyap.

Perkembangan ini, rupa-rupanya mendapat perhatian yang serious dari sebuah pusat pengajian tinggi tanahair.

Penaung

Universiti Sains Malaysia, begitulah namanya, tampil ke muka. Ia akan menjadi 'hero' yang akan memalu kembali 'rebana' atau gendang silat Melayu yang bertiberan dalam satu kumpulan raksaksa yang belum pernah dijalankan sebelum ini.

Universiti tersebut akan mengadakan satu konvensyen seni silat Melayu yang pertama pada 12 hingga 14 Julai.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak menaungi konvensyen tersebut.

Pengerusi konvensyen itu, Cik Zurinah Hassan memberitahu, matlamat utamanya ialah untuk menyatukan kembali seluruh kegiatan silat Melayu yang telah bersimpang-perinang, disamping mengajak orang-orang Melayu sendiri menghargai kesenian mempertahankan diri bangsa mereka.

"Sambutannya amat menggalakkan," katanya. "Hampir 100 buah pertubuhan silat menyatakan persetujuan mereka menyertai konvensyen ini."

Bagaimanapun, menurutnya, pihaknya terpaksa menapis dan setelah melalui beberapa tapisan, hanya 20 jenis silat sahaja diterima menyertai perhimpunan agung itu.

Pasukan-pasukan itu ialah, Silat Pencak, Sabah, Silat Teralak, Kelantan, Gayung Pulut, Ulu Trengganu, Cheamandea, Keluang Johor, Silat Sri Pelanduk, Melaka, Gelut Lintau, Johol Negeri Sembilan, Silat Lincah, Panca Indera Seni Silat Lintau, Perak.

Silat Geruda, Kedah, Silat Elat, Seberang Peral, Silat Selayang Mas, Perlis, Pencak Silat Gayung Melayu, Temerloh Pahang, Silat Kelimah, Batu Cave Selangor, Silat Belia Kebangsaan, Sabah, Silat Sendeng, Silat Sekehun, Kuala Krai, Kelantan.

Silat Gayung Trengganu, Gayung Malaysia, Silat Cekak, Malaysia, Silat Jati, Kedah.

"Beberapa pertunjukan silat-silat itu akan diadakan di sepanjang-panjang konvensyen," terang Cik Zurinah.

Enam kertaskerja dari pakar-pakar serta mahaguru-mahaguru silat akan juga dibentang dan dikaji.

Diantara yang akan membentangkan kertaskerjanya ialah, Dr. Ho Boon Kiat dari Kelinik Pergigian, Pasir Mas, Kelantan.

Yang lain-lain ialah, Abu Johan Mohammad Jor dari Trengganu, Tengku Kassim dari Kedah, Tan Sri Haji Mubin Sheppard dari Petaling Jaya, Ismail Songbai dari Pahang, dan Ustaz Hanafi Haji Ahmad dari Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

Kegiatan

"Kertaskerja-kertaskerja itu akan dikaji sedalam-dalamnya serta segala keputusan akan diserahkan ke pihak-pihak berkenaan untuk dijadikan asas menyatukan kembali seluruh kegiatan silat Melayu," ujar Cik Zurina.

"Dari usaha ini, hendaknya akan menelurkan satu titik pencarian ke arah ujudnya teras kebudayaan nasional," katanya.

Yang menariknya, konvensyen tersebut, tidak bertujuan mendabik dada untuk bermegah atau menunjukkan kekuatan masing-masing kepada manamana pihak pun.

Ia akan dijalankan di atas landasan semangat mahu mencari persefahaman yang erat untuk mendirikan satu bentuk yang dapat dibanggakan oleh bangsa Melayu.

Keadaan silat yang berpecah-pecah seperti sekarang, sekalipun mempunyai nilainya yang tersendiri, namun ia tidak dapat dinikmati oleh seluruh bangsa Melayu.

Ia tidak dapat menyaingi keharuman karate, judo, tae-kwon-do dan sebagainya yang mendapat sambutan yang hebat di seluruh dunia.

Hendaknya, selepas konvensyen itu nanti, seluruh jentera pertubuhan-pertubuhan silat akan digerak ke satu arah — menyatupadukan silat sebagai silat kebangsaan dan tidak lagi seperti sekarang dengan berbagai macam nama yang pelik-pelik.